



TEKS UCAPAN AMANAT TAHUN BAHARU 2024

**YAS DATUK KPj. (PA) AMINURRAHIM BIN MOHAMED
KETUA PESURUHJAYA
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah dan Syukur kepada Tuhan atas segala nikmat dan Rahmat-Nya kita dapat bersama-sama lagi pada Tahun Baharu ini, 2024 Masihi.
2. Ucapan terima kasih kepada YB Datuk Armizan Mohd Ali dan YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong selaku Menteri dan Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kepada APM sebelum ini, jasa dan khidmat bakti Datuk YB berdua akan terus dikenang. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi rasa keterujaan kami kepada YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri yang kini bertanggungjawab juga kepada APM dan NADMA selain KKDW yang pastinya pengalaman dan keprihatinan YAB Dato Seri akan menambah sinar kepada APM.
3. Kepada warga APM seluruhnya, saya mewakili pengurusan APM, dengan penuh rasa bangga dan berbesar hati menzahirkan penghargaan atas segala usaha dan komitmen tinggi dalam menjayakan apa jua gerak kerja bagi melunasi fungsi dan tanggungjawab APM. Anda, seluruh warga APM telah membuktikan kesungguhan yang cemerlang dengan mencatatkan pencapaian-pencapaian positif dan berkesan walaupun terus menghadapi pelbagai cabaran dan ujian. Pencapaian dan kesungguhan ini termasuklah melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan idea baharu, usaha dan tekad menyantuni masyarakat yang terkesan dengan bencana atau insiden-insiden kecemasan selain terus gigih meladeni khidmat kemanusiaan yang semakin pelbagai. Tahun 2023 merupakan tahun APM mencetak pelbagai kejayaan dan sejarah. Saya yakin, tentunya segala

pencapaian ini akan menjadi tekad kepada kita warga APM untuk lebih produktif dan berkesan pada tahun ini, iaitu 2024 masihi.

4. Tahun 2023 juga telah memperlihatkan lebih dari 5,603 penerima pingat dan reben APM termasuk yang baharu kita perkenalkan, dan sebagai pembakar semangat terhadap kecemerlangan perkhidmatan warga kerja APM, kita mengucapkan syukur kepada *stakeholder* kerana telah mendapat kelulusan untuk pencalonan Pingat Perkhidmatan Setia (P.P.S.) dan Pingat Perkhidmatan Am (P.P.A.) daripada kerajaan dan tentunya dijangka akan meningkatkan lagi bilangan penerima pingat dan anugerah bagi tahun 2024.
5. Semua sedia maklum bahawa bahaya dan risiko adalah asam garam yang perlu dihadapi oleh pegawai dan anggota APM. Justeru, bagi menjaga kebajikan anggota, APM akan terus melaksanakan caruman PERKESO untuk memberikan perlindungan dan faedah apabila berlaku kemalangan kepada lebih 15 ribu anggota APM seluruh Malaysia. Mewakili seluruh warga kerja APM, saya mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan kerajaan Malaysia khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
6. Bagi tahun 2023 juga kita telah diberikan kepercayaan untuk meningkatkan semangat dan penglibatan kesukarelawanan di kalangan penjawat awam dengan lebih tersusun dan optimum, maka tahun 2024 akan menjadi kayu pengukur tentang keupayaan APM dalam usaha untuk terus meningkatkan keyakinan *stakeholder* berkaitan perkara ini. Semoga mendapat komitmen dari semua warga APM.
7. Dari kampung siaga 221, kita beranjak kepada Madani Siaga dan Sigap Pertahanan Awam, seterusnya kita merancang akan memperkemaskan salah satu aktiviti dalam Dekad Platinum Pertahanan Awam, iaitu untuk melahirkan komuniti dan generasi yang mempunyai daya tahan bencana, maka dalam tahun 2024 ini, usaha lebih agresif akan dibuat iaitu dengan memperkenalkan program dan aktiviti komuniti siaga, skuad ihsan, Agen Siaga Rumah Ibadat (ASRI), keprihatinan kepada golongan rentan dan sebagainya. Selain itu, hasrat meremajakan atau *rejuvenate* organisasi APM ini akan terus diteliti dan dikaji selain mendapatkan nasihat dari *stakeholder* agar penyampaian perkhidmatan APM terus relevan dan kehadapan pada masa-masa akan datang.
8. Suka juga saya mengingatkan bahawa selain pencapaian dan kepercayaan *stakeholder* yang telah kita raih pada tahun 2023, sudah tentu mengekalkan pencapaian dan kepercayaan itu lebih mencabar dan perlukan komitmen menyeluruh yang lebih tinggi. Antara perkara mustahak ialah kepercayaan

terhadap perolehan aset darat dan air yang besar bilangannya dan tidak kecil peruntukan. Antara kenderaan yang diterima adalah 100 buah Ambulans 4x4, 2 buah Skylift, 225 buah motosikal, 46 buah kenderaan operasi 4x4 dan lain-lain kenderaan termasuk penyelenggaraan aset darat dan air sedia ada yang akan menuntut untuk kita mengoptimumkan penggunaan dengan sebaik mungkin dan memberikan nilai pulangan pelaburan kerajaan kepada masyarakat yang berbaloi dan maksimum. Oleh itu, kita harus saling ingat mengingati sesama warga agar buat sehabis baik dalam setiap tindakan dan saling tegur-menegur untuk kebaikan semua pihak

9. Dalam mendepani keperluan penyampaian maklumat yang berkaitan dengan fungsi APM, penyebaran kemahiran asas pertahanan awam, promosi dan peningkatan imej,..tahun 2023 telah mencatatkan pelbagai lembaran baharu dalam telefilem, penerbitan, media sosial, atau lain-lain platform media, seperti Instagram, twitter, facebook, youtube, tiktok dan perkara ini wajar diteruskan. Namun setiap warga perlu menjaga adab dan tatasusila dalam penggunaan media sosial agar tidak melanggar sebarang undang2 dan peraturan apatah lagi yang melibatkan sensitiviti mahupun hak mana2 pihak. Oleh itu, bagi tahun 2024 ini, warga APM wajar meletakkan satu standard yang baik dan boleh dicontohi, iaitu bukan sahaja daripada segi kandungan dan daya tarikan, malahan dari segi tatasusila dan keberkesanan penyampaiannya.
10. Selain itu, sebagai warga APM, saya menyeru untuk kita semua bersama memahami dan berusaha melunaskan kandungan Buku Dekad Platinum Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 2022-2032 kerana kita adalah antara penyumbang utama kejayaan kepada agenda keselamatan dan kesejahteraan awam dan negara. Pencapaian yang dicetak ini kelak bukan Sahaja dapat memberi impak positif dalam membina sebuah organisasi yang unggul, malahan boleh menjadi asbab kepada kelangsungan organisasi APM dalam negara mahupun persada antarabangsa.
11. Sama-sama kita terus berusaha untuk menjadikan diri kita dan warga APM seluruhnya untuk mempunyai keyakinan dan kemahiran yang tinggi serta berkesan dan akan memberi impak dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat dan negara. Kita juga perlu terus sentiasa meningkatkan usaha kreatif dan berdaya cipta dalam mencari ruang untuk menyumbang kepada kemampuan organisasi APM dan kesejahteraan negara.

Junjung kepercayaan,
Amanah didakap,
Hormati perbezaan,
Saling melengkap

Serap hasrat insani
Azam dan doa,
Usaha dan istiqamah..
Saling menghormati
Buat kerja dan buktikan

12. Akhirul kalam, kepada semua warga dan sahabat APM, para sukarelawan dan penyumbang serta seluruh rakyat Malaysia dan warga Angkatan pertahanan Awam seluruh dunia diucapkan Selamat Tahun Baru 2024 masihi.

13. Terima kasih